

**NGO Berterima Kasih Cadangan Nama Jambatan Diperkenan Agong
Bernama
2 Mac, 2014**

GEORGE TOWN, 2 Mac (Bernama) -- Gabungan Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO) Islam Pulau Pinang menzahirkan ucapan terima kasih kepada Yang di-Pertuan Agong Tuanku Abdul Halim Mu'adzam Shah kerana memperkenankan cadangan Jambatan Kedua Pulau Pinang dinamakan sempena nama baginda.

Setiausahanya Ahmad Yakqub Nazri berharap program terutama acara bertaraf antarabangsa yang akan diadakan di Jambatan Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah akan turut menggunakan nama baginda bagi memartabatkan Yang di-Pertuan Agong sebagai ketua negara.

"Sebagai contoh Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah International Bridge Run...acara seumpama ini dapat membawa nama Agong tersebar ke serata dunia sekali gus mempromosi keunikan sistem raja berpelembagaan negara kita," katanya dalam sidang akhbar di sini Ahad.

Ahmad Yakqub menyifatkan Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak sebagai pemimpin mendengar suara hati rakyat kerana memandang serius usul yang dibuat pertubuhan itu pada 24 Feb lepas.

Beliau bagaimanapun kesal dengan sikap segelintir individu yang mempertikai penggunaan nama baharu jambatan itu di laman-laman sosial sehingga mengeluarkan komen atau status yang mencemar kedaulatan diraja.

Malam tadi, Perdana Menteri dalam ucapan perasmian jambatan itu mengumumkan bahawa kerajaan bersetuju menamakan Jambatan Kedua Pulau Pinang sebagai Jambatan Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah.

-- BERNAMA

Copyright © 2014 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=1018620>